

05 SEP 1997

KEPUTUSAN KERAJAAN MENANGGUHKAN PROJEK MEGA DIALU-ALUKAN

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Pelabur-pelabur menarik nafas lega hari ini apabila pengukur Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), Indeks Komposit pulih 90.47 mata atau 12.37 peratus dan mengakhiri dagangan hari ini pada 821.59, setelah menyaksikan tahap terendah 675.15 mata bagi dagangan semalam.

Ringgit juga mengukuh selepas jatuh di bawah paras sokongan psikologi 3.0000 bagi setiap dolar Amerika dan diniagakan pada 2.9425/75 pada sekitar pukul 5.00 petang.

Peniaga-peniaga berkata pengumuman kerajaan untuk menangguh projek-projek besar dan penarikan sekatan dagangan T+5, membantu meningkatkan sentimen pasaran yang menyaksikan pelabur-pelabur asing mengambil kesempatan untuk menampung jualan singkat mereka.

Seorang peniaga berkata langkah kerajaan untuk menangguh beberapa projek prasarana besar dianggap sebagai pengakuan tentang perlunya pertumbuhan ekonomi diperlahankan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan semalam, antara projek-projek yang terlibat ialah Empangan Bakun, manakala Lapangan Terbang Kawasab Utara di Kedah dan projek Bandaraya Linear Kuala Lumpur mungkin juga ditangguhkan.

Walaupun pasaran tempatan kelihatan akan pulih, namun peniaga ini mengingatkan bahawa masih ada pelabur asing yang sedang menunggu untuk menjual saham-saham mereka apabila harga meningkat.

Pelabur-pelabur runcit bergiat menjual tetapi pelabur-pelabur asing masih berhati-hati untuk memasuki pasaran," kata beliau.

Di samping itu, dana-dana asing masih memerhatikan perkembangan di pasaran saham New York yang akan "merayakan ulang tahun ke-10" kejatuhan Dow Jones ke tahap terendahnya pada bulan September 1987.

"Dana-dana asing akan mengambil masa untuk pulih dari peristiwa baru-baru ini dan mengkaji semula portfolio pelaburan mereka," katanya. --  
BERNAMA

AA KY/sia